


Aplikasi Kaedah Fiqh Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: Analisis Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti Covid-19

[The Application Of Islamic Legal Maxim Of The Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: An Analysis Of Changes In The Guideline Of Management Of The Muslim Bodies Infected With Covid-19]

Ahmad Tarmizi Mahmud^{*1}, Irwan Mohd Subri¹ , Mohd Nasir Abdul Majid¹ 

¹ Faculty of Syariah and Law Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

* Corresponding author: ibnmahmud83@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.33102/uj.vol36no01.537>

Abstrak

Kaedah-kaedah fiqh ialah prinsip fiqh umum yang dipraktikkan dalam kebanyakan permasalahan untuk mengetahui hukum mengenainya. Ia merupakan salah satu komponen penting dan asas sandaran ketika ijtihād dalam mengeluarkan fatwā. Kaedah Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān pula salah satu daripada kaedah fiqh yang merupakan pendekatan yang mengambilkira perubahan masa bagi pembinaan sesuatu hukum. Ia merupakan kaedah yang berkait rapat dengan uruf dan adat yang menjadi salah daripada sumber hukum dalam Islam. Apabila sesuatu hukum dibina melaluinya maka ia akan berubah mengikut peredaran masa, tempat dan keadaan. Mutakhir ini, berlaku penurunan yang sangat ketara kes jangkitan virus COVID-19 dalam kalangan masyarakat sekaligus mencatatkan penurunan kes kematian di seluruh negara. Situasi ini turut memberi kesan kepada peraturan semasa yang diberi kelonggaran begitu juga dalam kaedah pengurusan jenazah yang dijangkiti COVID-19. Oleh itu, kajian ini dikemukakan bagi menganalisis elemen-elemen perubahan dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19 tahun 2020 dan 2022 ekoran perubahan keadaan penularan virus tersebut di negara ini. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan metodologi analisis dokumen yang merangkumi kitab-kitab klasik dan kontemporari kaedah fiqh, artikel penyelidikan dan garis panduan tersebut. Temubual separa berstruktur dan penelitian komparatif terhadap garis panduan tersebut telah dilakukan bagi mengenalpasti prosedur yang dipinda. Hasil kajian mendapati beberapa prosedur dalam garis panduan pengurusan jenazah COVID-19 telah dipinda selaras dengan perubahan semasa. Perubahan kaedah pengurusan jenazah ini dilihat lebih hampir menyamai kaedah pengurusan jenazah biasa namun masih lagi terdapat beberapa prosedur lain yang perlu dipatuhi.

Kata kunci: Aplikasi Kaedah Fiqh, Pengurusan Jenazah Orang Islam dan COVID-19

Abstract

Manuscript Received Date: 23/08/23

Manuscript Acceptance Date: 22/02/24

Manuscript Published Date: 31/03/24

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact usimpress@usim.edu.my



Kaedah-kaedah Fiqh or also known as Islamic Legal Maxims are the general principles of fiqh applied in most issues in order to get Shariah's view. It is one of the significant components and elements during *ijtihād* in issuing *fatwā*. The principle of *Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān* is an approach that considers time changes in building up the Shariah's view. This principle is also closely related to *uruf* and custom which are parts of Islamic jurisprudence. When a Shariah view is built, hence it will vary according to the time period, place, and circumstances. Recently, there has been a very significant decrease in the cases of COVID-19 virus infection in the community, which shows a subsequent decrease in the number of deaths across the country. This situation also impacts the current regulations that have become more lenient, including the management and burial procedures of deceased Muslims that are infected with COVID-19. Therefore, this study aims to analyze the elementary changes that have been amended in the Guideline of Management of Muslim Bodies Infected with COVID-19 for the years 2020 and 2022 in view of transmission method changes in this country. This study is qualitative in nature using a document analysis methodology that includes classical and contemporary Islamic legal maxim books on jurisprudence, research articles, and guidelines. Semi-structured interviews and comparative analysis were conducted according to the guidelines to identify the amended procedures. The outcome of the study discovers that several procedures in the guidelines of management of the infected bodies with COVID-19 have been amended in line with the current situation. These changes are seen close to the normal management of a dead body, but some other procedures still have to be followed accordingly.

Keywords: Application Of Islamic Legal Maxim, Management Of The Muslim Bodies, and COVID-19

1.0 Pendahuluan

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada hari ini pastinya memberikan pelbagai kesan kepada kehidupan manusia. Meskipun penularan wabak ini dilihat sedikit berkurangan pada ketika ini, namun tiada jaminan ia akan lenyap daripada kehidupan manusia. Di Malaysia, penularan wabak ini masih lagi terkawal meskipun beberapa negara jiran masih bergelut dalam mengawal jangkitan ini. Kes kematian disebabkan penyakit ini masih lagi direkodkan meskipun dengan jumlah yang lebih rendah berbanding beberapa tahun yang lalu. Berdasarkan kepada data terkini bertarikh 17 Jun 2023 daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sehingga kes harian direkodkan sebanyak 400 kes tempatan sekaligus menjadikan kes keseluruhan sebanyak 5,073,136 bagi kes tempatan, 38,883 kes import dan 37,118 kes kematian. (KKMNOW, 2023)

Setelah dilakukan semakan kepada resolusi Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berkaitan isu pandemik COVID-19, didapati sebanyak 16 pandangan hukum yang telah dikeluarkan sekitar tahun 2020-2021. Namun, bagi tujuan kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada resolusi berkaitan pengurusan jenazah COVID-19 yang telah dihasilkan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19.

Pengertian Kaedah Fiqh

Kaedah-kaedah Fiqh dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-Qawācid al-Fiqhīyah* (القَوَاعِدُ الفِئْهِيَّةُ). Al-Jurjāniyy (1983) menjelaskan bahawa *al-Qawācid al-Fiqhīyah* bermaksud permasalahan *kullīyah* (umum) yang diaplikasikan ke atas semua *juzīyyāt* (pecahan kecil). Ibn al-Ḥamawīyy (1985) mengatakan ia adalah prinsip majoriti (أَكْثَرِيَّةٌ) bukan keseluruhan (كُلِّيَّةٌ) yang dipraktikkan dalam pelbagai permasalahan fiqh untuk difahami hukumnya. Mengikut Ibn al-Subkiyy (1991) pula kaedah fiqh ialah prinsip umum yang diaplikasikan ke atas kebanyakan permasalahan fiqh bagi mengetahui hukumnya. Adapun para ulama kontemporari seperti al-Zarqā' (1989) mendefinisikannya sebagai usul fiqh umum dalam bentuk-bentuk ringkas, bersifat perundangan yang mengandungi hukum syariat umum dalam permasalahan fiqh yang diletakkan di bawah satu kaedah.

Kaedah *Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān* (لَا يُنْكَرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ) Kaedah ini merupakan salah satu kaedah fiqh yang telah diistinbatkan oleh para ulama dan juga telah diperuntukan dalam Majallah *al-cAḥkām al-cAdlīyah* (t.th). Menurut cAliyy Ḥaydar (1991) ketika menjelaskan kaedah ini:

إِنَّ الْأَحْكَامَ الَّتِي تَتَغَيَّرُ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ هِيَ الْأَحْكَامُ الْمُسْتَبَدَّةُ عَلَى الْعُرْفِ وَالْعَادَةِ؛ لِأَنَّهُ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ تَتَغَيَّرُ اِحْتِيَاجَاتِ النَّاسِ،

**Aplikasi Kaedah Fiqh Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: Analisis Garis Panduan
Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti Covid-19**

وَبِنَاءٍ عَلَى هَذَا التَّغْيِيرِ يَتَبَدَّلُ أَيْضًا الْعُرْفُ وَالْعَادَةُ وَبِتَغْيِيرِ الْعُرْفِ وَالْعَادَةِ تَتَغَيَّرُ الْأَحْكَامُ حَسَبَمَا أَوْضَحْنَا آنفًا، بِخِلَافِ الْأَحْكَامِ
الْمُسْتَبَدَّةِ عَلَى الْأَدْلَةِ الشَّرْعِيَّةِ الَّتِي لَمْ تُبْنَ عَلَى الْعُرْفِ وَالْعَادَةِ فَإِنَّهَا لَا تَتَغَيَّرُ

Maksudnya: Sesungguhnya hukum yang berubah berdasarkan perubahan masa ialah hukum yang bersandarkan kepada uruf dan adat kerana perubahan masa menyebabkan perubahan keperluan manusia. Oleh itu, perubahan ini juga akan memberi kesan kepada uruf dan adat serta perubahan tersebut menyaksikan perubahan hukum sebagaimana yang telah dijelaskan pada perbincangan yang lalu. Hal ini berbeza dengan hukum yang bersandarkan kepada dalil syarak yang tidak dibina berdasarkan uruf, maka ia tidak mengalami perubahan.

Ibn al-Qayyīm (2002) telah membincangkan kaedah ini di bawah tajuk mengenai perubahan fatwa dan perbezaannya berdasarkan masa, tempat, niat dan keperluan. Beliau menjelaskan:

هَذَا فَضْلٌ عَظِيمٌ النَّفْعُ جَدًّا، وَقَعَ بِسَبَبِ الْجَهْلِ بِهِ، عَظَّمَ عَظِيمٌ فِي الشَّرِيعَةِ، أَوْجَبَ مِنَ الْحَرْجِ وَالْمَشَقَّةِ وَتَكْلِيفٍ مَا لَا
سَبِيلَ إِلَيْهِ مَا يُعْلَمُ أَنَّ الشَّرِيعَةَ الْبَاهِرَةَ الَّتِي هِيَ فِي أَعْلَى رُتَبِ الْمَصَالِحِ لَا تَأْتِي بِهِ

Maksudnya: Perbahasan kaedah ini mempunyai kelebihan yang sangat banyak. Disebabkan kejahilan tentangnya maka berlaku bebanan yang sangat berat dalam syariah. Diwajibkan segala kesusahan, kepayahan dan sebarang tanggungjawab yang tidak membawa kepadanya (kemudahan) agar dihilangkan. Apa yang diketahui di sini bahawa syariah yang agung berada pada kedudukan masalah yang paling tinggi dan ia tidak datang dengan kepayahan.

Didapati kebanyakan para ulama kontemporari membincangkan kaedah ini di bawah kaedah induk *العادة محكمة* (adat yang menjadi penentu hukum) (al-Zarqā', 1989; cAliyy Haydar, 1991; al-Burnū, 2002; Zaydān, 2003; al-Harīriyy, 1998; cUthmān Shubayr, 2019). Mengikut Al-Zarqā' (1989) ketika mensyarahkan kaedah ini:

لَا يُنَكَّرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ، أَيْ بِتَغْيِيرِ عُرْفِ أَهْلِهَا وَعَادَتِهِمْ، فَإِذَا كَانَ عُرْفُهُمْ وَعَادَتُهُمْ يَسْتَدْعِيَانِ حُكْمًا ثُمَّ تَغْيِيرًا
إِلَى عُرْفٍ وَعَادَةٍ أُخْرَى فَإِنَّ الْحُكْمَ يَتَغَيَّرُ إِلَى مَا يُؤَافِقُ مَا انْتَقَلَ إِلَيْهِ عُرْفُهُمْ وَعَادَتِهِمْ

Maksudnya: Tidak diingkari perubahan hukum dengan perubahan masa iaitu perubahan uruf ahlinya dan adat mereka. Apabila uruf dan adat menuntut kepada sesuatu hukum, kemudian keadaan tersebut telah berubah kepada uruf dan adat yang lain, maka hukum akan berubah selaras dengan perubahan uruf dan adat mereka.

Setelah membentangkan pandangan ulama silam dan juga kontemporari mengenai kaedah ini, maka dapat disimpulkan bahawa kaedah ini berkait rapat dengan uruf dan adat yang merupakan salah satu daripada sumber hukum dalam Islam. Apabila sesuatu hukum dibina melaluinya maka ia akan berubah mengikut peredaran masa, tempat dan keadaan. Jika sesuatu pandangan hukum yang dikeluarkan tidak meraikan iklim semasa, maka hukum yang dikeluarkan tersebut tidak bersifat solusi kepada fenomena yang berlaku malah boleh mengundang kesukaran dan kepayahan.

Dalil Kaedah

Terdapat beberapa dalil syarak yang menyentuh mengenai kaedah Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān (لَا يُنَكَّرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ) ini antaranya:

i. Al-Quran

Firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ ۗ إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ عِشْرُونَ صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مِائَتِينَ ۗ وَإِنْ

يَكُنْ مِنْكُمْ مِائَةٌ يَغْلِبُوا آلَ الْفِيلِ مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِهِمْ فَوْمٌ لَا يَمَعَهُونَ (٦٥) أَلَنْ خَفَّتْ اللَّهُ عَنْكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا فَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ مِائَةٌ صَابِرَةٌ يَغْلِبُوا مِائَتَيْنِ وَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوا أَلْفِينَ بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ (٦٦)

Maksudnya: Wahai Nabi, perangsangkanlah orang-orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh orang yang bersabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (daripada pihak musuh yang kafir itu); dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang yang tidak mengerti. Sekarang Allah telah meringankan daripada kamu (apa yang telah diwajibkan dahulu) kerana ia mengetahui bahawa pada kamu ada kelemahan; oleh itu jika ada di antara kamu seratus orang yang bersabar, nescaya mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang, dan jika ada di antara kamu seribu orang nescaya mereka dapat menewaskan dua ribu orang dengan izin Allah. Dan (ingatlah) Allah beserta orang-orang yang bersabar. (Surah al-Anfāl 8:65-66)

Menurut Ibn Kathīr (1998) ketika menafsirkan dua ayat ini, Ibnu cAbbās r.a berkata ketika ayat ini diturunkan, orang Islam berasa berat apabila dua puluh orang daripada mereka dikehendaki berhadapan dengan dua ratus orang musuh dan seratus orang daripada mereka berhadapan dengan dua ratus orang musuh dan seratus orang daripada mereka berhadapan dengan seribu orang musuh. Kemudian Allah memberikan keringanan-Nya kepada mereka, maka ayat ini di-mansukh oleh ayat lainnya yang mengatakan: أَلَنْ خَفَّتْ اللَّهُ عَنْكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا hingga akhir ayat. Maka sejak saat itu apabila jumlah mereka separuh dari jumlah musuh, mereka tidak boleh lari meninggalkan medan perang.

ii. Hadis

Sabda Nabi Muhammad s.a.w:

مَنْ ضَحَّى مِنْكُمْ، فَلَا يُصْبِحَنَّ بَعْدَ ثَالِثَةِ وَبَقِيَّ فِي بَيْتِهِ مِنْهُ شَيْءٌ فَلَمَّا كَانَ الْعَامُ الْمُقْبِلُ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، نَفَعَلْ كَمَا فَعَلْنَا عَامَ الْمَاضِي؟ قَالَ: كُلُّوْا وَأَطْعَمُوْا وَادَّخِرُوْا؛ فَإِنَّ ذَلِكَ الْعَامَ كَانَ بِالنَّاسِ جَهْدٌ، فَأَزِدْتُ أَنْ تُعِينُوا فِيهَا

Maksudnya: Sesiapa dalam kalangan kamu yang berkorban, maka janganlah menyimpan daging tersebut melebihi tiga hari dan apa-apa daripadanya di rumah. Ketika mana tibanya tahun hadapan, para sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w: “Wahai Rasulullah s.a.w, adakah perlu kami melakukan seperti mana tahun lepas. Jawab Baginda s.a.w: “Makanlah kalian, berikanlah makan kepada orang lain dan simpanlah kerana pada waktu itu (tahun yang lepas) manusia berada di dalam kesusahan (iaitu kelaparan) dan aku menginginkan agar kamu membantu yang lain”. (Hadith. Al-Bukhāriyy. Kitāb al-Aḍāhiy: Bāb Mā Kāna Min al-Nahy cAn Luḥūm al-Aḍāhiy Bacda Thalāth: Juz’2:#1974)

Menurut Ibn Hajar al-cAsqalāniyy (2013), secara umumnya larangan ini berlaku pada tahun kesembilan dan dizinkan semula pada tahun ke sepuluh hijrah. Lafaz perintah untuk makan, memberi makan kepada orang dan menyimpan daging tersebut merupakan suatu keharusan selepas larangan.

iii. Athār sahabat

cUthmān bin cAffān r.a telah mengarahkan penangkapan unta yang sesat dan mengiklankannya disebabkan perubahan masyarakat di zaman tersebut. Perkara ini diriwayatkan oleh Imām Mālik yang mendengar Ibn Shihāb al-Zuhriyy berkata:

كَانَتْ ضَوَالُ الْإِبِلِ فِي زَمَانِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ إِبِلًا مُؤَبَّلَةً تَنَاجُ لَا يَمَسُّهَا أَحَدٌ حَتَّى إِذَا كَانَ زَمَانُ عُثْمَانَ بْنِ عَمَانَ أَمَرَ بِتَعْرِيفِهَا، ثُمَّ تُبَاعُ فَإِذَا جَاءَ صَاحِبُهَا أُعْطِيَ ثَمَنَهَا

Maksudnya: Unta yang sesat di zaman cUmar al-Khaṭṭāb r.a dibiarkan tanpa menahannya sehingga pada zaman cUthmān bin cAffān r.a diarahkan agar diiklankannya. Kemudian ia akan dijual dan apabila datang

Aplikasi Kaedah Fiqh Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: Analisis Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti Covid-19

pemilikinya, maka diberikan hasil jualan tersebut. (Hadith. Al-Imām Mālik. Kitāb al-Aqdīyyah: Bāb al-Qaḍā' Fī al-Ḍawāl: Juz'1:#2201)

Menurut al-Bājīyy (t.th), pada zaman cUmar al-Khaṭṭāb, unta yang sesat dibiarkan (dengan habitatnya) dan tidak ditangkap. Diceritakan Thābit bin al-Ḍaḥāk pernah menangkap salah seekor unta tersebut disebabkan dia tidak mengetahuinya (larangan menangkap unta sesat). Namun pada zaman cUthmān bin cAffān, unta yang sesat ditangkap, diiklan dan dijual. Apabila pemiliknya datang menuntut, maka diserahkan hasil jualan haiwan tersebut.

iv. Ijmāc

Para ulama bersepakat bahawa hukum yang dibina berdasarkan kepada uruf semasa akan berubah mengikut perubahan adat dan tradisi. Perkara ini ditegaskan oleh al-Qarāfīyy (2010) bahawa para fuqaha telah berijmak dalam perbincangan berkaitan muamalat apabila disebut tentang harga maka lazimnya ia merujuk kepada wang. Namun jika uruf merujuk kepada sebaliknya, maka perlu diambil kira perkara tersebut. Apabila uruf terus berubah, maka penentuan hukum perlu meraikan perubahan tersebut. Begitu juga dalam perbincangan berkaitan wasiat, sumpah dan semua bab fiqh yang bersandarkan kepada keperluan semasa, apabila berubah adat maka ia membawa kepada perubahan hukum dalam isu tersebut.

Setelah dibentangkan dalil-dalil berkaitan kaedah ini, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa kaedah ini merupakan kaedah yang mempunyai asas yang kuat dalam pensabitan sesuatu hukum. Ia merupakan kaedah hukum yang menitikberatkan tentang perubahan semasa agar pembinaan sesuatu hukum bukan sahaja berteraskan kepada dalil syarak malah turut meraikan aspek perubahan sosiologi manusia.

Namun begitu, dalam perbincangan kaedah fiqh yang dikaitkan dengan perubahan suasana jangkitan virus COVID-19 ini, pengkaji lebih cenderung berpendapat perubahan keadaan ini lebih tepat merujuk kepada istilah *تَغْيِيرُ الْحَالِ* bukannya *تَغْيِيرُ الزَّمَانِ*. Ibn al-Qayyim (2002) pernah membincangkan konsep perubahan fatwa disebabkan perubahan masa, tempat, keadaan, niat dan hasil. Sesungguhnya syariat Allah dibina berdasarkan kepada masalah hamba-Nya. Menurut al-Qaradāwiyy (t.th) pula ketika menjelaskan tentang keperluan perubahan fatwa, *تَغْيِيرُ الْحَالِ* merupakan aspek penting yang perlu diambil kira umpamanya situasi sempit berbeza dengan keadaan lapang, keadaan sakit berbeza dengan sihat, keadaan bermusafir berbeza dengan bermukim, keadaan perang berbeza dengan aman, keadaan kuat berbeza dengan lemah, keadaan tua berbeza dengan keadaan muda dan begitu juga keadaan jahil berbeza dengan cerdik. Manakala *تَغْيِيرُ الزَّمَانِ* pula bermaksud perubahan kehidupan manusia disebabkan perubahan masa. Kehidupan pada masa kini pastinya berbeza dengan kehidupan umat terdahulu. Apabila berlaku sesuatu perubahan kepada manusia, maka mufti hendaklah meraikan perubahan masa pada ketika itu.

Oleh itu, dapat dirumuskan di sini bahawa elemen *تَغْيِيرُ الزَّمَانِ* adalah lebih umum daripada elemen *تَغْيِيرُ الْحَالِ* yang lebih spesifik dalam keadaan tertentu. Pengkaji berpandangan ekoran daripada perubahan keadaan *تَغْيِيرُ الْحَالِ* jangkitan COVID-19 yang telah berlaku maka garis panduan pengurusan jenazah ini telah dipinda bagi meraikan suasana semasa.

Pengurusan Jenazah Dalam Islam

Apabila berlaku sesuatu kematian, maka menjadi farḍu al-kifāyah kepada setiap individu untuk menguruskan jenazah tersebut. Menurut Ibn Laḥām (1999) farḍu al-kifāyah di sisi ulama uṣūl bermaksud sesuatu yang dituntut untuk dilaksanakan dengan tergugur (kewajipan) apabila dilakukan oleh sebahagian orang lain seperti berjihad pada jalan Allah, tanggungjawab mengajak kepada kebaikan dan menjauhi kemungkaran, menyelamatkan orang lemas, menguruskan jenazah yang merangkumi memandi, mengkafani, solat dan mengembumikannya.

Imām al-Shāfi'iy (1983) berkata menjadi kewajipan ke atas semua manusia untuk memandikan mayat, solat dan mengembumikannya. Tidak harus orang ramai meninggalkannya dan apabila dilakukan sebahagian daripadanya maka ia telah memadai. Manakala Taqīyy al-Dīn (1994) pula menjelaskan

kewajipan ke atas mayat merangkumi empat perkara iaitu memandi, mengkafan, solat dan mengembumikannya. Maka tiada khilaf bagi orang ramai untuk melaksanakan keempat-empat perkara ke atas mayat orang Islam dan pelaksanaan perkara ini adalah farḍu al-kifāyah secara ijmāc.

Namun begitu, jika berlaku suasana yang mengekang kepada proses memandikan jenazah, maka proses tersebut boleh digantikan dengan tayammum. Hal ini adalah berdasarkan kepada beberapa pandangan ulama antaranya al-Shīrāzīyy (t.th) berkata jika berlaku keuzuran untuk memandikan mayat seperti ketiadaan air atau sebagainya, maka hendaklah ditayammumkan kerana penyucian tidak hanya berkait dengan menghilangkan sesuatu. Perkara yang sama disebut oleh al-Rāfīciyy (t.th) bagi jenazah seorang muslim yang terbakar dan jika dimandikan akan merosakkan jenazah tersebut, maka tidak dimandikan malah diganti dengan tayammum bagi menjaga jenazah tersebut dan dikebumikan dalam keadaan sedemikian.

Pengurusan Jenazah COVID-19 di Malaysia

Kemunculan penyakit Coronavirus baharu atau COVID-19 bermula dengan penularan wabak misteri tersebut di bandar raya Wuhan, daerah Hubei, Cina pada Disember 2019. Organisasi Kesihatan Dunia (WHO) kemudiannya mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik global yang telah merekodkan jangkitan melebihi 10 juta kes di seluruh dunia. Manakala di Malaysia pula, ia bermula apabila kes ini mula direkodkan dengan empat orang warga Cina yang disahkan mengalami penyakit ini pada 25 Januari 2020. (Ministry Of Health Malaysia, 2020)

Berdasarkan kepada statistik terkini sehingga 17 Jun 2023, sebanyak 37,118 kes kematian telah direkodkan di seluruh negara semenjak virus ini mula-mula melanda. Angka ini merupakan bilangan yang terkorban di negara ini merangkumi orang Islam dan juga bukan Islam. (KKMNOW, 2023) Pengurusan jenazah orang Islam di negara ini diuruskan berdasarkan kepada pandangan hukum yang telah dikeluarkan oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Pertama yang diadakan pada 15 Mac 2020 memutuskan bahawa:

“Dalam keadaan sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease; EVD) di Malaysia, iaitu pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah tersebut. Dalam hal ini dibolehkan jenazah itu diuruskan melalui prosedur tayamum yang paling ringan risiko dan kesan bahayanya seperti melakukan tayamum hanya di atas permukaan beg jenazah dan pembalut plastik yang membalut jenazah itu sahaja”. (Resolusi Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Pertama, 2020)

Oleh itu, hasil daripada resolusi tersebut, maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama KKM, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menghasilkan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19 edisi 2020. Garis panduan ini telah digunakan oleh para petugas jenazah COVID-19 seluruh negara dalam menguruskan jenazah tersebut.

Menurut Hidayu Rusali (2023) setelah penularan jangkitan virus ini kembali reda dengan jumlah kes kematian yang berkurangan dan mengambilkira pandangan serta nasihat daripada KKM berkenaan status virus tersebut, maka Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021 telah membuat semakan semula pandangan hukum dan kaedah pengurusan jenazah orang Islam COVID-19. Resolusi mesyuarat tersebut telah memutuskan sebagaimana berikut:

- i. Hukum asal pengurusan jenazah muslim termasuk jenazah pesakit COVID-19 hendaklah diurus dengan sempurna melalui kaedah pengurusan jenazah dengan dimandi, dikafan, disembahyang dan dikebumikan dalam tempoh masa semimum mungkin mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
- ii. Sekiranya terdapat kemungkinan yang tinggi bahawa pengurusan jenazah berisiko dijangkiti dengan penggunaan air, maka hendaklah digantikan dengan tayamum pada anggota badan jenazah dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.


Aplikasi Kaedah Fiqh Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: Analisis Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti Covid-19

- iii. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat halangan atau dibimbangi boleh membawa kepada penyebaran penyakit, maka Muzakarah bersetuju menggugurkan kewajipan memandikan/tayamum ke atas jenazah dan memadai dengan dikafan, disembahyang dan dikebumikan.
- iv. Dalam melaksanakan keputusan ini, pihak hospital dan pihak berkuasa agama di setiap negeri yang terlibat perlu menyediakan tenaga kerja, segala kelengkapan dan keperluan yang mencukupi dalam pengurusan jenazah COVID-19.

Berdasarkan resolusi pada tahun 2021 ini, maka JAKIM sekali lagi dengan kerjasama dengan kerjasama KKM, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah mengemaskini garis panduan pengurusan jenazah COVID-19 dan dikuatkuasakan secara rasmi pada tahun 2022 (Hidayu Rusali, 2023). Setelah diteliti dengan lanjut kedua-dua garis panduan tersebut, didapati beberapa elemen utama dalam garis panduan tersebut telah dipinda selaras dengan pandangan semasa berkenaan pengurusan jenazah COVID-19.

Setelah membincangkan tentang perubahan pandangan hukum berkaitan pengurusan jenazah COVID-19 daripada tahun 2020 dan 2021, maka dapat disimpulkan bahawa perubahan keadaan tersebut telah membawa kepada perubahan hukum seterusnya membawa kepada pindaan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19. Ringkasan lanjut dapat dilihat sebagaimana rajah di bawah:

Rajah 1: Gambaran Pindaan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19



Analisis Pindaan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19

Jika ditelusuri dengan lebih lanjut kedua-dua garis panduan ini, terdapat beberapa pindaan telah dilakukan selaras dengan perubahan keadaan jangkitan pada ketika ini. Oleh itu, bagi tujuan penilaian pindaan yang telah dilakukan, maka dilakukan semakan secara terperinci yang menggunakan metode penelitian komparatif kepada kedua-dua garis panduan tersebut yang terdiri daripada garis panduan edisi 2020 dan 2022. Secara umumnya, garis panduan ini telah dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Pra Pengurusan Jenazah, Pengurusan Jenazah dan Pengkebumian Jenazah.

i. Pra Pengurusan Jenazah

Bahagian ini memperuntukkan prosedur pengesahan kematian, pemakluman, pengecaman jenazah dan pengeluaran permit pengkebumian. Setelah dilakukan semakan kepada garis panduan edisi 2022 maka didapati secara keseluruhannya tiada perubahan ketara yang dilakukan melainkan pada prosedur pengecaman jenazah. Garis panduan terdahulu membenarkan hanya seorang waris untuk melakukan pengecaman jenazah manakala garis panduan terkini membenarkan dua orang waris untuk melakukan pengecaman tersebut.

ii. Pengurusan Jenazah

Dalam bahagian ini, didapati banyak perubahan yang telah dilakukan oleh pihak yang berkaitan selaras dengan resolusi Jawatankuasa MKI yang terkini berkenaan dengan pengurusan jenazah COVID-19. Antara perubahan yang dikenalpasti sebagaimana berikut:

- a. Dalam garis panduan edisi 2022, telah dimasukkan prosedur penilaian risiko yang ditentukan oleh pihak KKM sedangkan ia tidak didapati dalam garis panduan edisi 2020. Dalam prosedur ini, jenazah tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertama: jenazah yang berisiko menyebarkan virus (infectious). Oleh itu, dilakukan tayammum ke atas badan jenazah oleh pengendali jenazah yang terlatih dengan pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) serta pemakaian Personnel Protective Equipment (PPE) yang sesuai sepanjang pengurusan jenazah. Manakala kategori kedua: jenazah yang tidak dalam tempoh berisiko menyebarkan virus (non-infectious), dibenarkan mandi jenazah oleh pengendali jenazah yang terlatih dengan pematuan SOP yang sesuai sepanjang pengurusan jenazah (Kertas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia Kali Ketiga, 2021). Prosedur ini adalah penting disebabkan jenazah COVID-19 perlu dilakukan penilaian terlebih dahulu sebelum dia dimandikan ataupun tidak. Ini kerana jangkitan virus tersebut adalah berbeza mengikut tahap jangkitan yang berlaku pada seseorang pesakit. Jika sekiranya jangkitan virus tersebut berada pada tahap yang tinggi, maka proses mandian jenazah tidak dilakukan, sebaliknya jenazah tersebut ditayammumkan sebagaimana pengurusan sebelum ini (Muhammad Fauzan, 2023).
- b. Didapati berlaku perubahan dalam peralatan pengurusan jenazah di mana dalam garis panduan pengurusan jenazah edisi 2020, jenazah yang dijangkiti COVID-19 hanya ditayammum dengan debu tanah atas beg plastik. Namun, berdasarkan kepada resolusi terkini Jawatankuasa MKI yang membenarkan proses mandian jenazah, maka keperluan pengurusan tersebut juga turut berubah menjadi keperluan pengurusan jenazah biasa seperti air, kapas, kapur barus dan serbuk cendana. Manakala bagi proses mengkafan memerlukan kepada kain kafan (tiga helai bagi lelaki dan lima helai bagi perempuan), satu beg mayat dan air mawar.
- c. Dalam proses memandikan jenazah pula, garis panduan edisi 2022 telah membenarkan penglibatan dua orang waris dalam melakukan proses ini. Hal ini berbeza dengan garis panduan 2020 di mana tidak dibenarkan waris terlibat dalam proses tayammum ke atas jenazah.
- d. Selain itu, didapati juga beberapa kaedah pemandian jenazah COVID-19 yang dilihat berbeza dengan pemandian jenazah biasa. Dalam pemandian jenazah ini, penggunaan aliran air hendaklah diminimumkan bagi mengelak air terpercik kepada petugas jenazah. Penggunaan botol spray untuk memandikan jenazah adalah digalakkan dan ditegah sebarang aktiviti berunsur aerosol generating procedure (AGP) ke atas jenazah seperti menekan perut jenazah dan membersihkan najis dari dalam dubur. (Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19, 2022) Proses ini dilihat sedikit berbeza dengan praktis yang dianjurkan oleh para ulama agar menekan sedikit perut jenazah bagi mengeluarkan najis daripada duburnya (al-Sharbīniyy, 1994; Muṣṭafā al-Khin et. al, 2003).
- e. Dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19 edisi 2022, jenazah yang telah dikafankan hendaklah dimasukkan ke dalam satu lapis beg mayat. Hal ini juga berbeza dengan garis panduan sebelum ini di mana jenazah dimasukkan ke dalam dua lapis beg mayat.
- f. Manakala dalam proses solat jenazah pula, garis panduan edisi 2022 yang memperuntukan tiada limitasi jemaah untuk melakukan solat tersebut tanpa penjarakan saf. Perkara ini berbeza dengan garis panduan edisi 2020 yang hanya menghadkan dua orang petugas sahaja untuk menunaikan solat jenazah dengan melakukan penjarakan satu meter antara imam dan juga makmum.

iii. Pengkebumian Jenazah

Dalam proses pengkebumian jenazah ini, maka didapati satu perubahan yang telah dilakukan di mana

**Aplikasi Kaedah Fiqh Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: Analisis Garis Panduan
Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti Covid-19**

garis panduan edisi 2022 tidak menghadkan petugas dan waris yang terlibat dalam proses pengkebumian jenazah. Manakala dalam garis panduan edisi 2020, proses ini hanya dihadkan kepada empat orang sahaja (termasuk waris) yang bukan kontak rapat kepada kes positif COVID-19, bukan bergejala COVID-19 dan bukan disyaki COVID-19.

Secara ringkasnya, perubahan yang berlaku dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19 edisi 2020 dan 2022 ini dapat dilihat sebagaimana jadual di bawah.

Jadual 1: Ringkasan Pindaan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19 Edisi 2020 dan 2022

| GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM YANG DIJANGKITI COVID-19 | PINDAAN | 2020 | 2022 |
|--|--|--|--|
| | Pra Pengurusan Jenazah i. Prosedur pengecaman jenazah | | Seorang waris dibenarkan |
| Pengurusan Jenazah i. Penilaian risiko oleh KKM | | Tiada | Ada |
| ii. Peralatan pengurusan jenazah | | Debu tayammum | Air, kapur barus, serbuk cendana, kapas, kain kafan dan air mawar |
| iii. Proses pemandian jenazah | | Tiada | Ada (larangan melakukan tindakan berunsur <i>aerosol generating procedure</i> (AGP) seperti menekan perut jenazah) |
| iv. Beg plastik mayat | | | 1 beg plastik |
| v. Solat jenazah | | 2 beg plastic 2 orang dibenarkan dengan penjarakan satu meter | Tiada limitasi jemaah tanpa penjarakan saf |
| Pengkebumian Jenazah | | 4 orang (termasuk waris) yang dibenarkan | Tiada limitasi |

Kesimpulan

Perubahan keadaan yang berlaku membawa kepada beberapa perubahan sosiologi manusia. Ia merupakan sesuatu hukum alam yang harus diakui dan diterima oleh segenap manusia. Dalam isu pandemik COVID-19, musibah ini pastinya menempias banyak kesan kepada sosiologi manusia. Perubahan penularan penyakit ini kepada manusia pastinya membawa kepada perubahan penguatkuasaan arahan dan juga peraturan semasa yang lain. Begitu juga dalam pengurusan jenazah COVID-19, didapati beberapa perubahan telah dilakukan pada garis panduan tersebut selaras dengan perubahan suasana yang berlaku pada ketika ini. Pindaan ini juga dilihat mengembalikan hak jenazah untuk diuruskan seperti pengurusan

jenazah biasa dengan lebih baik. Dari sudut yang lain, pindaan ini juga banyak memberikan kelonggaran dan kemudahan kepada petugas jenazah dan waris dalam mengurus dan memberikan perkhidmatan terakhir kepada si mati.

Rujukan

- cAliyy Haydar, Khawājah Amīn Afandiyy. 1991. *Ḍurar al-Ḥukkām Fī Sharh Majallah al-Aḥkām*. t.tp: Dār al-Jayl.
- Al-Bājīyy, Abū al-Walīd Sulaymān bin Khalaf bin Sacad bin Ayyūb bin Wārith al-Tajībiyy al-Qurtūbiyy al-Bājīyy al-Andalūsiyy. 2008. *Al-Muntaqā Sharah al-Muwaṭṭa'*. Al-Damām: Dār Ibn Jawziyy.
- Al-Bukhāriyy, Abū cAbd Allah Muḥammad bin Ismācīl al-Bukhāriyy al-Jacfiyy. 1993. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriyy*. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Burnū, Muhammad Sidqiyy bin Ahmad bin Muhammad. 2002. *al-Wajīz Fī Idāh Qawācid al-Fiqh al-Kullīyāh*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Al-Ḥamawīyy, Aḥmad bin Muḥammad. 1985. *Ghamz cUyūn al-Baṣāir*. Bayrūt: Dār al-Kutb al-ḥilmīyyah.
- Al-Ḥarīriyy, Ibrāhīm Muḥammad Maḥmūd. 1998. *Al-Madkhal Ilā al-Qawācid al-Fiqhīyyah al-Kullīyyah*. cAmmān: Dār cAmmār
- Hidayu binti Rusali. Penolong Pengarah Kanan. 16 Febuari 2023. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19*. (Temubual secara individu)
- Ibn Ḥajar, Aḥmad bin cAliyy bin Ḥajar al-cAsqalāniyy. 1997. *Fath al-Bārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhāriyy*. cAmmān: Maktabat al-Risālah al-Ḥadīthah.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismācīl bin cUmar bin Kathīr al-Qurashīyy al-Baṣriyy. 1999. *Tafsīr al-Qur'an al-cAzīm*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ḥilmīyyah.
- Ibn Laḥām, Abū al-Ḥasan cIlā' al-Dīn bin Muḥammad bin cAbbās al-Bacaliyy al-Ḥanbaliyy. 1999. *Al-Qawācid Wa al-Fawāid Wa Mā Yatbacuhā Min al-Aḥkām al-Farḥīyyah*. Al-Bayrūt: Maktabah Al-cAsriyyah.
- Ibn al-Qayyim, Abū cAbd Allah Muḥammad bin Abiyy Bakr bin Ayyūb. 2002. *Iclām al-Muwaqqicīn cAn Rabb Al-cĀlamīn*. Al-Mamlakah Al-cArabīyyah al-Sacūdīyyah.
- Ibn al-Subkiyy, Tāj al-Dīn cAbd al-Wahāb bin cAliyy. 1991. *al-Ashbāh Wa al-Nazāir*. Bayrūt: Dār al-Kutb al-ḥilmīyyah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020 & 2021, *Kertas Kajian Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Ed. 2020 & 2022. *Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti COVID-19*.
- Al-Jurjāniyy, cAliyy bin Muḥammad bin cAliyy al-Zīn Al-Sharīf. 1983. *Al-Tacrīfāt*. Bayrūt: Dār al-Kutb al-ḥilmīyyah.
- KKMNOW. Dilawati: 29 Jun 2023. "Data Terkini Tentang Pendemik di Malaysia" <https://data.moh.gov.my/covid>
- Mālik bin Anas. 1985. *Al-Muwaṭṭa'*. Bayrāt: Dār lḥyā' al-Turāth al-cArabīyy.
- Ministry Of Health Malaysia, 2020, *Malaysia Health Sector Response to COVID-19 Pandemic*. Shah Alam: National Institutes Of Health.
- Muhammad Fauzan bin Ab Manan. Penolong Pengarah Kanan. 22 Febuari 2023. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Semakan Semula Pandangan Hukum Dan Kaedah Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19*. (Temubual secara individu)
- Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & cAliyy Sharbajīyy. 2003. *Al-Fiqh al-Manhajī cAla Mazhab al-Imām al-Shāfi'īyy*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- n.a. t.th. *Majallah al-Aḥkām al-cAdliyyah*. Karachī: Karakhānah Tijārah Kutub.
- Al-Qaradāwiyy, Yūsuf. t.th. *Mūjibāt Taghayyur Fatwā Fī cAṣarinā*. t.tp. *Al-Ittihād al-cĀlamiyy Lī cUlamā' al-Muslimīn*.
- Al-Qarāfiyy, Shihāb al-Dīn Abī al-cAbās Aḥmad bin Idrīs bin cAbd al-Raḥmān al-Sanhajīyy. 2001. *al-*

**Aplikasi Kaedah Fiqh Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: Analisis Garis Panduan
Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti Covid-19**

Furūq. al-Qāhirah: Dār al-Salām.

Al-Rāfiʿiyy, cAbd al-Karīm bin Muḥammad al-Rāfiʿiyy al-Qazwīnī. t.th. Fath al-cAzīz Bi Sharh al-Wajīz.
Dimashq: Dār al-Fikr.

Al-Shāfiʿiyy, Abū cAbd Allah Muḥammad bin Idrīs. 1990. Al-Umm. Bayrūt: Dār al-Fikr

Al-Sharbīniyy, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb. 1994. Mughnī al-Muḥtāj Fī Macrifat
Macānī Alfāz al-Minhāj. Bayrūt: Dār al-Kutb al-cIlmiyyah.

Al-Shīrāziyy, Abū Ishāk Ibrāhīm bin cAliyy bin Yūsuf. t.th. al-Muhazzab Fī Fiqh al-Imām al-Shāfiʿiyy.
Bayrūt: Dār al-Kutub al-cIlmiyyah.

Taqī al-Dīn al-Ḥuṣniyy, Abū Bakr bin Muḥammad bin cAbd al-Mukmin bin Ḥarīz Maclā al-Ḥusainiyy al-
Ḥuṣniyy al-Shāfiʿiyy. 1994. Kifāyatul Akhyār Fī Ḥillī Ghāyah al-Ikhtiṣār. Dimashq: Dār al-Khayr.

Uthmān Shubayr. 2019. Al-Qawācid al-Kullīyyah Wa al-Ḍhawābiṭ al-Fiqhīyyah. cAmmān: Dār al-Nafāis.

Al-Zarqāʾ, Aḥmad bin al-Shaykh Muḥammad. 1989. Sharah al-Qawācid al-Fiqhīyyah. Dimashq: Dār al-
Qalam.

Zaydān, cAbd al-Karim. 2003. al-Wajīz Fī Ṣharḥ al-Qawācid al-Fiqhīyyah Fī al-Sharīcaḥ Islāmīyyah,
Bayrūt: Muassasat al-Risālah.